

PELANCARAN SKUAD BOMBA TAHFIZ NEGERI SELANGOR



YB Tan Sri Noh bin Haji Omar (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Skuad Bomba Tahfiz Negeri Selangor pada 30 Mei 2017 di Masjid Jamiul Hasanat, Batu 10, Tanjung Karang, Selangor.

Penubuhan Skuad Bomba di institusi-institusi pendidikan agama ini adalah atas usaha dan kerjasama antara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dengan Yayasan Pembangunan Pondok Malaysia (YPPM) atas kesedaran mengenai kepentingan aspek keselamatan kebakaran. Skuad Bomba ini ditubuhkan bertujuan untuk:

- i. mewujudkan budaya pencegahan dan keselamatan kebakaran dalam kalangan para pelajar;
- ii. memahami tatacara pelepasn diri atau pengusingan bangunan semasa kcemasan/kebakaran;

- iii. memahami kaedah penyeliaan keselamatan kebakaran seperti mengamalkan “*good housekeeping*”; dan
- iv. bertindak sebagai “*first responder*” bagi memadam kebakaran pada peringkat awal dalam kawasan institusi mereka.



Skuad Bomba Tahfiz ini adalah dianggotai sekurang-kurangnya 10 orang pelajar bagi setiap pasukan yang terdiri daripada anggota pengurusan, guru dan pelajar. Ahli-ahli skuad ini akan diberikan latihan secara teori dan amali berhubung aspek keselamatan kebakaran yang diharap memberi kefahaman, penghayatan dan menjadi amalan dalam kehidupan seharian.

Di seluruh Negeri Selangor, sebanyak 150 institusi tahfiz dengan jumlah pelajar seramai 12,000 orang pelajar telah berdaftar dengan Persatuan Institut Tahfiz Selangor (PITAS). Skuad Bomba Tahfiz Negeri Selangor yang ditubuhkan ini menerima sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan oleh lebih 300 pelajar dari 30 sekolah tahfiz di sekitar Negeri Selangor. Bagi

menggalakkan inisiatif ini, sebanyak RM5,000.00 diperuntukkan untuk sekolah-sekolah tahfiz di Selangor yang menubuhkan skuad bomba ini.



Pada masa ini, terdapat 1,423 buah institusi pendidikan agama direkodkan di seluruh negara dan sejak Mei 2017, sebanyak 94 pasukan skuad bomba telah didaftarkan dengan keahlian seramai 1,115 orang. KPKT turut merancang untuk menubuhkan Skuad Bomba di setiap sekolah pendidikan agama di seluruh negara menjelang akhir tahun ini.

Yang turut hadir semasa majlis ialah YBhg. Datuk Haji Mohammad bin Mentek (Ketua Setiausaha, KPKT), YAS Datuk Haji Wan Mohd. Nor bin Haji Ibrahim (Ketua Pengarah, JBPM), dan YS PPjB Azmi bin Osman (Pengarah JBPM Selangor).

Sumber: Unit Komunikasi Korporat, KPKT